

BAB 5 PEMBINAAN NEGARA BANGSA YANG MERDEKA

PENGENALAN

1. Sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu
2. Idea penubuhannya dicetuskan oleh Dato' Onn bin Jaafar.
3. Sistem ini telah dibincang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu pada bulan Februari 1950.
4. Pada Julai 1950, rundingan antara pihak British dengan wakil penduduk Tanah Melayu yang diadakan di King's House, Kuala Lumpur.
5. Sir Henry Gurney telah menjemput:
 - a. Dato' Onn Jaafar (Yang Dpertua UMNO)
 - b. Dato' Hamzah bin Abdullah (Menteri Besar Selangor)
 - c. Raja Uda
 - d. Dato' Nik Ahmed Kamil
6. Sir Henry Gurney juga telah menjemput:
 - a. Dato' E.E.C Thuraisingham (wakil kaum India)
 - b. Encik Yong Shook Lin
 - c. Dr. Lee Kiang Teng

CIRI-CIRI SISTEM AHLI

1. Satu sistem KABINET BAYANGAN (beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat dibentuk untuk memegang jawatan yang dibentuk
2. Anggotanya dikenali sebagai AHLI.
3. Pelantikan AHLI dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu.
4. Ahlinya terdiri daripada 9 orang iaitu :
 - 5 orang penduduk Tanah Melayu – 3 orang Melayu, seorang India dan seorang Cina
 - 4 orang pegawai British
5. Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British

PELAKSANAAN SISTEM AHLI

1. Ahli yang dilantik diberi tugas menjaga satu portfolio yang mengandungi beberapa buah jabatan kerajaan
2. Mereka bertanggungjawab mengurus pentadbiran harian jabatan dan mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan
3. Cadangan undang-undang itu merupakan pendirian pentadbiran British.

KEPENTINGAN SISTEM AHLI

1. Memberi pendedahan dan latihan kepada penduduk tempatan ke arah berkerajaan sendiri atau mentadbir dan menerajui kerajaan walaupun masih dikuasai oleh Britain.
2. Memulakan proses perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu kerana ahlinya terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini.
3. Menentukan kemerdekaan yang bakal dicapai mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu

KEANGGOTAAN SISTEM AHLI

1	Dato' Onn Jaafar	Ahli Dalam Negeri
2	O.A. Spencer	Ahli Ekonomi
3	Tunku Yaakob ini Sultan Abd. Hamid	Ahli Pertanian dan Perhutanan
4	Dr. Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan
5	Dato' E.E.C. Thuraisingham	Ahli Pelajaran
6	J.D.Hodgkinson	Ahli Perindustrian dan Hubungan Sosial
7	J.D.Mead	Ahli Perumahan dan Kerja Raya
8	Dato' Mahmud Mat	Ahli Tanah, Perlombongan dan Perhubungan

PAKATAN MURNI

1. Usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan satu kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan
2. Langkah pertama ialah penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum "*Communities Liason Committee*" (CLC). CLC adalah titik permulaan kerjasama kaum.
3. Hasil perundingan UMNO-CLC
 - Kerakyatan Negeri 1951 diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu dengan syaratnya ibu atau bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu.
 - Pilihanraya bandaran, negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan diadakan.
4. Pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu dicadangkan oleh Dato' Onn Jaafar. Beliau meninggalkan UMNO kerana menerima kecaman.
5. Tunku Abdul Rahman, pemimpi UMNO telah menganjurkan Konvensyen Nasional atau *National Convention* bersama MCA. Kerjasama ini mengasaskan pembentukan Parti Perikatan

PILIHANRAYA BANDARAN, NEGERI DAN MAJLIS PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

A. Pilihanraya Bandaran

1. Kerjasama UMNO-MCA dibentuk bagi menghadapi pilihanraya perbandaran Kuala Lumpur 1952.
2. Kerjasama UMNO Kuala Lumpur dan MCA Selangor telah dijalankan oleh Dato' Yahya Razak dan Kolonel H.S.Lee
3. Parti perikatan memenangi 9 daripada 12 kerusi
4. Dalam pilihanraya di beberapa bandaran, Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 26 daripada 37 kerusi.

B. Pilihanraya Negeri

1. Dalam pilihanraya negeri 1954, Perikatan telah memenangi 226 daripada 268 kerusi.
2. Kerjasama UMNO-MCA mengasaskan Parti Perikatan yang turut disertai MIC pada tahun 1955.
3. Kemenangan ini menunjukkan permuafakatan kaum dalam pelbagai parti dapat diterima penduduk PTM
4. Kerjasama UMNO-MCA telah mengasaskan penubuhan Parti Perikatan dan MIC menganggotainya pada 1955

C. Pilihanraya Majlis Perundangan 1955

1. Manifesto parti Perikatan ialah:
 - Mencapai kemerdekaan dalam masa 4 tahun
 - Mewajibkan pendidikan
 - Mewajibkan perkhidmatan awam bercorak tempatan]
 - Menjaga hak asasi manusia
 - Melindungi hak raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan
2. Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi.

PARTI PERIKATAN

1. Menacapai kemerdekaan dalam masa empat tahun.
2. Mewajibkan pendidikan.
3. Menjaga hak asasi manusia
4. Melindungi hak Raja-Raja Melayu sebagai Raja berpelembagaan
5. Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.
6. Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri.
7. Kabinet dibentuk

KABINET PTM 1957

Jawatan	Tokoh
Ketua Menteri	Tunku Abdul Rahman
Timbalan Ketua Menteri	Bahaman Samsudin
Menteri Pendidikan	Abdul Razak Hussein
Menteri Hal-Ehwal Bumi	Dr. Ismail Abdul Rahman

Menteri Pengangkutan	Lim Yew Koh
Menteri Kesihatan	Ong Yoke Lin
Menteri Perhubungan, Pos & Telekom	Sulaiman Abdul Rahman
Menteri Kewangan	H.S.Lee
Menteri Buruh	V.T.Sambanthan
Menteri Pertanian	Abdul Aziz Ishak

PROSES KE ARAH KEMERDEKAAN

1. Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan Rundingan Kemerdekaan ke London pada Februari 1956.
2. Hasil perundingan;
3. Suruhanjaya bebas untuk mengkaji perlembagaan dibentuk.
4. Pihak British akan memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.
5. Tunku mengisytiharkan tarikh kemerdekaan itu di Bandar Hilir, Melaka.

PERJANJIAN PTM 1957

1. Suruhanjaya Reid dibentuk pada 1956 - membincangkan dan menyusun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
2. Diketuai oleh Lord Reid, Sir Ivor Jennings (England), Sir William McKell, Tuan B. Malik Hakim dan Tuan Abdul Hamid.
Suruhanjaya Reid;
3. Dibentuk pada Mac 1956 bagi membincang dan menyusun perlembagaan PTM yang merdeka.
4. Diketuai Lord Reid (hakim British di Tanah Melayu) dan ahli-ahlinya terdiri daripada:
 - Sir Ivor Jennings (England)
 - Sir William McKell (Bekas Gabenor Jeneral Australia)
 - Tuan B. Malik (Hakim mahkamah Tinggi India)
 - Tuan Abdul Hamid (Pakistan)
5. Tugas suruhanjaya ialah merangka sebuah perlembagaan bagi PTM yang akan merdeka
6. Antara isu yang menjadi panduan suruhanjaya:
 - Pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat
 - Perwujudan kuasa autonomi negeri dalam bidang-bidang tertentu
 - Kedudukan raja-raja Melayu
 - Hak istimewa orang Melayu
 - Pewujudan satu bangsa PTM
7. 131 memorandum diterima daripada pelbagai pihak seperti Raja-raja Melayu, orang perseorangan dan pertubuhan politik.
8. Cadangan suruhanjaya diterbitkan pada Februari 1957, Parlimen British pada Mei 1957 dan Majlis Mesyuarat Perundangan PTM mengesahkannya pada 17 Ogos 1957.
9. Raja-raja Melayu telah menerima kerakyatan Jus Soli dengan syarat orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.
10. Agama Islam sebagai agama rasmi PTM dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

ISI PENTING PTM 1957

1. Pembentukan sebuah kerajaan Persekutuan
2. Institusi Raja Berpelembagaan di peringkat negeri dan negara.
3. Yang Dipertuan Agong menjadi Ketua Negara.
4. Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan.
5. Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.
6. Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan.
7. Tiga kerakyatan, iaitu Kuatkuasa Undangundang, Permohonan dan prinsip Jus Soli (secara kelahiran).
8. Persetujuan menerusi Pakatan Murni membolehkan sebuah kerajaan demokrasi dengan konsep raja berperlembagaan dibentuk.
9. Menerusi Pakatan Murni, keharmonian kaum dapat dicapai tanpa menumpahkan darah.

10. Memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mengikut acuan sendiri.
11. Tanah Simpanan Melayu dikekalkan

KEPENTINGAN PTM 1957

1. Pembentukan kerajaan demokrasi.
 - Malaysia telah dapat mengamalkan corak politik demokrasi dan Raja berperlembagaan. Pemilihan kerajaan dilakukan secara pilihan rakyat melalui pilihanraya setiap 5 tahun sekali.
2. Konsep Raja Berpelembagaan.
 - Raja berperlembagaan dijunjung dan raja memerintah berlandaskan undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh parlimen
3. Kewujudan perpaduan.
 - Kewujudan perpaduan ialah teras kemedekaan Malaysia. Berdasarkan aspek ini wujud kerjasama dalam kalangan etnik di Malaysia untuk menentukan kestabilan politik negara.
4. Keharmonian kaum.
 -
5. Hak mutlak penduduk tempatan
 -